

PERATURAN PERMAINAN BADMINTON

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Nama

1.1.1 Rujuk Perkara 1 Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SUKIPT)

1.2 Undang-Undang Permainan

1.2.1 Mengikut undang-undang dan Peraturan Am SUKIPT yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

1.2.2 Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Sedunia (BWF) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

1.2.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang Inggeris akan dipatuhi.

1.3 Perkara-Perkara Lain Yang Tidak Dinyatakan

1.3.1 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan ini, akan diputuskan berdasarkan Peraturan Am SUKIPT IV.

1.3.2 Sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur adlah MUKTAMAD.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Kelayakan Pemain

2.1.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SUKIPT).

2.2 Format Pertandingan

2.2.1 Pertandingan akan dijalankan secara individu dan terbahagi kepada lima (5) kategori ;

- 2.2.1.1 Perseorangan Lelaki
- 2.2.1.2 Perseorangan Wanita
- 2.2.1.3 Bergu Lelaki
- 2.2.1.4 Bergu Wanita
- 2.2.1.5 Bergu Campuran

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Pertandingan ini akan dijalankan secara Kalah Keluar (*Knock Out*)

2.3.2 Semua acara badminton akan menggunakan sistem kiraan 21 mata atau (*Rally Point Scoring System*) (3x21).

2.4 Pendaftaran Pemain

2.4.1 Setiap Institusi dibenarkan mendaftar maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap kategori.

2.4.2 Setiap pemain hanya dibenarkan bermain secara maksimum dua (2) kategori sahaja

2.4.3 Bilangan pemain ;

| BILANGAN PEMAIN | LELAKI | WANITA |
|-----------------|--------|--------|
| MINIMUM | 1 | 1 |
| MAKSIMUM | 8 | 8 |

2.4.4 Sebarang pemain gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu undian rasmi pertandingan dibuat semasa Taklimat Pengurus Pasukan.

2.4.5 Susun atur pemain di dalam Borang Pendaftaran Pemain (*N-Form*) hendaklah disusun mengikut rangking dari tinggi ke rendah dalam institusi masing-masing.

2.5 Pakaian Pertandingan

2.5.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama institusi yang diwakili di belakang baju .

2.5.2 Bagi acara beregu, pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.

2.5.3 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan dan berkasut semasa Majlis Penyampaian Hadiah

2.5.4 Hanya pegawai pasukan dengan pakaian sopan dan berkasut sahaja dibenarkan berada di gelanggang pertandingan semasa sesuatu perlawanan berlangsung

2.6 Panggilan Peserta

2.6.1 Setiap pemain perlu melaporkan diri digelanggang setelah panggilan pertama dibuat.

2.6.2 Kepada pemain yang lewat melaporkan diri di gelanggang selepas panggilan ketiga (3) dibuat, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.

2.6.3 Setiap pemain yang akan bermain untuk perlawanan seterusnya diberi masa rehat selama 30 minit.

2.7 Menarik Diri Dan Menyerah Kalah

- 2.7.1 Setiap pemain haruslah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali mendapat pengesahan kecederaan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh pihak penganjur.
- 2.7.2 Jika didapati berlaku dengan sengaja, semua perlawanan seterusnya yang melibatkan pemain berkenaan akan dibatalkan dan pemain yang terlibat akan disingkirkan daripada pertandingan.

2.8 Hadiah Dan Pemenang

- 2.8.1 Hadiah diberi hanya kepada Pemenag Pertama, Kedua dan Tempat Ketiga Bersama bagi semua kategori.
- 2.8.2 Pemain yang kalah di peringkat Separuh akhir dikira sebagai Pemenang Tempat Ketiga Bersama

3. RINGKASAN PENYERTAAN

| Permainan | Format Pertandingan (Individu) | Atlet | | Pegawai | |
|---------------------|--|-------|---|---------|---|
| | | L | W | L | W |
| 1. Badminton | 1. Perseorangan Lelaki 2. Perseorangan Wanita 3. Beregu Lelaki 4. Beregu Wanita 5. Beregu Campuran | 8 | 8 | 2 | 2 |